

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terbaharu dalam pelaksanaan hak-hak Sabah sebagaimana yang disebutkan di dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), khususnya status perkembangan perbincangan mengenai peningkatan pemberian royalti minyak kepada Sabah dan Sarawak yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet yang ditubuhkan pada tahun 2019.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUSJOHNITY ONGKILI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menzahirkan komitmen dan keseriusan Kerajaan berhubung usaha-usaha untuk mengembalikan hak-hak negeri Sabah dan negeri Sarawak seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Jemaah Menteri pada 9 September 2020 yang lalu telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (**Majlis Khas MA63**). Keputusan Jemaah Menteri ini telah diumumkan sendiri oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sambutan Hari Malaysia di Sibu, Sarawak pada 16 September 2020 yang lalu. Penubuhan Majlis Khas ini adalah selaras dengan syor dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKK MA63) yang telah dibubarkan pada 18 November 2019 di bawah Kerajaan terdahulu.
2. Mesyuarat Majlis Khas MA63 yang pertama telah diadakan pada 2 Disember 2020 dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan dianggotai oleh YAB Ketua Menteri Sabah, YAB Ketua Menteri Sarawak termasuk Peguam Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi kedua-dua negeri tersebut. Mesyuarat Majlis Khas ini juga disertai oleh lapan (8) Menteri mewakili Kementerian yang berkait rapat dengan perihal pembangunan negeri Sabah dan Sarawak serta Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
3. Perkara-perkara yang telah dibincangkan adalah Terma Rujukan Majlis Khas MA63 serta keahliannya, penubuhan tiga (3) Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri dan Jawatankuasa Kerja Sosio-Ekonomi beserta keahlian setiap Jawatankuasa Kerja tersebut. Selain itu, mesyuarat ini telah membentangkan status terkini Majlis Khas MA63.

4. Berhubung dengan status semasa pelaksanaan 17 daripada 21 perkara yang telah diputuskan oleh JKKKMA63, secara umumnya, agensi-agensi yang bertanggungjawab dijangka memerlukan tempoh masa sekitar 1-2 tahun untuk melaksanakan keputusan-keputusan tersebut. Ini kerana keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet sebelum ini merupakan persetujuan dasar yang mana memerlukan kepada tindakan susulan seperti pindaan kepada undang-undang/penggubalan undang-undang yang baharu sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

5. Manakala berhubung baki 4 perkara yang masih belum selesai iaitu **Royalti Minyak dan Bayaran Tunai Petroleum, Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83]**, perbincangan berhubung perkara-perkara ini akan diteruskan dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Khas yang akan datang.

6. Kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agenda ini akan meredakan ketidak-puasan hati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang selama ini merenggangkan perpaduan dan integriti wilayah yang kukuh serta sekaligus akan dapat memperkasakan patriotisma dan nasionalisma negara bangsa.

Sekian, terima kasih.